

PERADABAN ISLAM DAN

TAMADUN DUNIA

GGGC 6473

ISU-ISU SEMASA DALAM

TAMADUN DUNIA

PENSYARAH:

DR. HJ. MAIMUN AQSA LUBIS

DISEDIAKAN OLEH:

TUMON BIN MOROMO

P 40627

MAKSUD TAMADUN

Daripada catatan Kamus Dewan, tamadun diertikan sebagai kebudayaan, kemajuan, peradaban sesuatu bangsa yang bertamadun, bermakna bangsa yang beradab, bersopan-santun dan berkemajuan.

Kalau ditinjau dari segi aspek bahasa, perkataan tamadun berasal daripada kata dasar Bahasa Arab - Tamaddana atau Madana yang mengandungi erti pemilihan sesuatu lokasi sebagai tempat tinggal, membangun sesuatu kawasan hingga menjadi suatu perbandaran.

Dari persektif Barat, Arnold Toynbee telah mengatakan tamadun ialah satu sistem masyarakat yang dapat membantu manusia menambah hasil pengeluaran atau produktiviti dan ia mempunyai empat elemen, iaitu bahan-bahan ekonomi, sistem politik, pengetahuan dan seni.

Dari perspektif Islam pula, Dr. Muhammad al-Bahly mengatakan tamadun itu ialah keseluruhan penghasilan atau produktiviti yang menggambarkan nilai keperibadian manusia sama ada berbentuk falsafah, pengetahuan, kesenian, politik, kesusasteraan dan sebagainya.

ELEMEN- ELEMEN DALAM ISU-ISU SEMASA TAMADUN DUNIA

Terdapat enam elemen dalam isu-isu Semasa Tamadun Dunia iaitu Sains, Ekonomi, Politik, Pendidikan, Nilai (Akhlag), Islam

ELEMEN 1 - EKONOMI

Istilah ekonomi berasal dari istilah Greek oikos dan oikonomia. Oikos memenuhi kehendak ahli-ahlinya dengan membekalkan makanan dan pakaian, tempat tinggal dalam lindungannya sendiri tanpa sebarang pertukaran barang dengan orang lain.

Perkataan Economistes pertama kali digunakan di Kancis pada tahun 1760-an dan pada abad tersebut, Adam Smith menghasilkan suatu teori yang komprehensif tentang pertumbuhan nilai distribusi dan percukaian.

Robbins mengatakan ekonomi adalah sains yang mengkaji tentang perangai manusia sebagai hubungan antara matlamat akhir dan barang-barangan terhad yang mempunyai kegunaan alternatif. Adam Smith menganggap ekonomi sebagai kajian tentang sifat dan sebab-sebab kekayaan negara. Bill menganggap ekonomi sebagai sains praktikal mengenai pengeluaran dan pengagihan kekayaan.

Ada juga ahli ekonomi lain menganggap ekonomi dalam bentuk kebajikan dengan menekankan aspek manusia dan kebendaan. Bagi ahli-ahli ekonomi Islam memberi definasi ekonomi sebagai cara mengatur kehidupan perekonomian dengan apa yang

dimiliki.

Muhammad Baqir As-Shodr, berpendapat bahawa ekonomi Islam merupakan dasar-dasar umum ekonomi daripada Al- Quran dan sunah dan sesuai dengan setiap golongan dan masa. Ini ternyata sejajar dengan dasar daripada firman Allah: Surah Al-Baqarah ayat 29 –” Dialah Allah yang menjadikan segala yang ada di bumi untukmu” Surah Al-Baqarah ayat 275 – “ Dan Allah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba”

Secara kesimpulannya, ekonomi adalah suatu ilmu yang mengkaji pengeluaran, pengagihan, pertukaran dan penggunaan bahan-bahan atau barang-barang yang bersifat kekurangan serta beraneka. Ekonomi juga merupakan suatu ilmu sains sosial kerana kajian ekonomi melibatkan aspek perilaku manusia.

Sistem Ekonomi

Sara diri - ekonomi yang paling awal digunakan. Kegiatan ini tertumpu kepada pertanian dan penternakan untuk keperluan diri dan masyarakat.

Komersil – cara ini dilakukan apabila penduduk yang menjalankan ekonomi sara diri mempunyai hasil berlebihan dan menjualkannya. Pada permulaannya, ia merupakan sejenis kegiatan pertukaran barang iaitu sistem barter.

Tamadun menyebabkan berlakunya kemajuan ekonomi manusia dengan menjalankan aktiviti pertanian dan penternakan yang lebih bersistematik serta berteknologi.

Perdagangan - mengagihkan barang atau perkhidmatan daripada pengeluar asal kepada pengguna terakhir dengan tujuan untuk mendapatkan keuntungan. Perdagangan ini terbahagi kepada dua iaitu perdagangan dalam negeri dan luar negeri. Kegiatan perdagangan melibatkan sistem barter dan kegunaan mata wang. Pada masa ini hampir semua negara di dunia ini menjalankan perdagangan antarabangsa kerana disebabkan perdagangan antarabangsa memberikan faedah kepada negara yang terlibat. Antara faedah yang diperolehi dari perdagangan antarabangsa adalah seperti:

- a) Memperoleh barang-barang yang dapat dikeluarkan dalam negeri.
- b) Memperluaskan pasaran keluaran dalam negeri
- c) Meningkatkan kecekapan penggunaan factor pengeluaran.
- d) Mendapatkan teknologi moden.

Kapitalisme - individu bebas memiliki harta. Firma atau pengeluar bebas menggunakan sumber bermaksud mereka boleh mengeluarkan barang yang dikehendaki. Individu bebas memilih pekerjaan. Motif pengeluar adalah untuk mendapat untung maksima dan dalam sistem ekonomi kapitalisme dibenarkan menindas orang – aktiviti ini mewujudkan golongan yang menguasai perdagangan - yang lemah akan berhutang dengan golongan yang hidup mewah.

Sosialisme - sistem organisasi sosial yang menganjurkan supaya sumber-sumber kekayaan seperti pengeluaran, tanah, modal dan sebagainya dijadikan milik negara untuk dinikmati oleh setiap rakyat dengan sama rata. Sistem ini telah dilaksanakan oleh negara-negara yang bertamadun untuk mencapai kesejahteraan.

PEMBANGUNAN EKONOMI

Perhubungan - merupakan salah satu prasarana penting bagi membangunkan sesebuah ekonomi. Perhubungan secara jalan **sungai**- Mesopotamia, **laut** - di Alam Melayu dan **jalan raya**- seluruh empayar China, India, Rom dan Tamadun Mohenjo-Daro dan Harappa.

Pengangkutan - juga penting sebagai prasarana ekonomi. Orang Mesir membina kapal laut, China - pedati, Alam Melayu - sampan, kapal dan kereta lembu.

Perhubungan dan pengangkutan pada masa kini telah mencapai kemajuan yang maksimum dengan pelbagai rekaan/pembuatan hasil dari penyelidikan manusia yang bertamadun. Contoh pengangkutan terkini seperti feri, kapalterbang, keretapi laju komuter, airbus, boeng dan lain-lain.

Institusi Kewangan - adalah badan yang mengendalikan hal-hal kewangan. Sebelum itu, petani terpaksa meminjam daripada tuan-tuan tanah yang merupakan golongan bangsawan. Petani terpaksa mencagarkan tanah mereka dan dikenakan kadar bunga atau faedah yang tinggi. Apabila wujud institusi kewangan, petani diberi pinjaman dengan kadar faedah atau bunga yang rendah. Perkembangan institusi kewangan di Malaysia – berbagai jenis bank.

Gudang - adalah tempat menyimpan barang hasil pertanian dan perkilangan kecil. Gudang disediakan untuk menyimpan hasil-hasil kutipan cukai dalam bentuk bijirin serta hasil pertanian. Di India, ada gudang yang mengutip cukai dan menyimpan dalam bentuk

bijirin.Semasa kemarau, bijirin ini dikeluarkan tujuannya adalah supaya harga barang makanan boleh dikurangkan ketika negara mengalami kemarau, bencana alam contohnya banjir dan juga ketika wabak penyakit. Gudang pada masa kini telah dinaik taraf dengan dilengkapi penghawa dingin untuk menjaga kualiti makanan atau barangan yang disimpan.

Limbungan - maksudnya dermaga iaitu membuat dan membaiki kapal . Di Arab, Kerajaan Sabak terdapat limbungan di Aman. Orang Sabak pandai membuat kapal dan menjadi pelayar-pelayar. Di Mesir, perusahaan pembinaan kapal laut iaitu kapal yang digunakan untuk perdagangan serta kapal perang.Masa kini limbungan juga digunakan oleh Jabatan Laut dan Jabatan Imegresen untuk pemantauan keselamatan negara.

Selain dari itu, limbungan digunakan untuk aktiviti lain seperti Limbungan Varuna Sebuah limbungan kapalangkasa kelas bintang yang telah di bina di atas orbit Krisna II. Limbungan ini telah dikawal dengan ketat oleh pihak Pasukan Marin Angkasalepas kerana ia mempunyai sebuah limbungan rahsia yang digunakan oleh Unit Penyelidikan dan Pembangunannya untuk tujuan membina kapalangkasa jenis prototype.

(baladewa-x.tripod.com/lokasi.htm)

Pelabuhan - menjadi prasarana penting dan menjadi kemudahan berbeza bagi tamadun berbeza. Di Melaka, terdapat gudang menyimpan barang untuk pedagang luar Melaka di pelabuhannya. Terdapat pentadbiran 4 Syahbandar untuk menguruskan hal-hal berkaitan dengan perdagangan seperti cukai, tempat berniaga, tempat penginapan, keselamatan dan

lain-lain lagi. Keadaan pelabuhan masa kini semakin canggih sejajar dengan perkembangan tamadun.

Bazar - adalah tempat untuk berniaga. Di Mesopotamia, rumah kediaman dijadikan kedai mengikut jenis perniagaan. Di India, kedai-kedai khas dibina terutama di Mohenjo-Daro dan Harappa. Di Arab, contohnya Mekah, terdapat banyak pasar yang disediakan antaranya Ukadz, Zulmajaz, Zul Majinnah.

Pusat membeli-belah - adalah tempat perniagaan terkini yang dibina lengkap dengan berbagai kemudahan dan keperluan manusia masa kini . Tempat-tempat ini adalah binaan manusia yang telah berjaya meningkatkan taraf prasarana kehidupan mereka.

ELEMEN 2 – SAINS/PERUBATAN

Umum mengatakan Barat telah banyak menyumbang kepada pembangunan bidang ini kerana tidak ramai yang mengetahui dari zaman prasejarah sehingga kurun ke 16 para ilmuan Islam dari Asia Barat telah lama mendahului dalam pembangunan inovasi dan teknologi terkini.

Konsep Al-Quran yang menganjurkan konsep berfikir, mengamai dan memerhati telah berjaya melahirkan kecenderungan manusia untuk mengkaji dan menyelidik yang menjadi pendorong utama kepada kegemilangan saintis Islam.

Pemenang hadiah novel – Albert Einstein – menyebut Sains tanpa agama adalah palsu dan Agama tanpa sains adalah buta” Setiap surah dalam Al-Quran terkandung makna

dengan terlalu banyak petunjuk yang menerangkan mengenai perjalanan alam yang boleh dijadikan landasan kajian sains.

Teleperubatan menjangkau batas masa, sempadan

Perubatan adalah salah satu ilmu yang terkandung di dalam Al-Quran. Bidang perubatan dibabitkan secara langsung atau tidak langsung ke dalam teknologi maklumat dan komunikasi serta mengalami perubahan yang sama.

Teleperubatan adalah sistem yang menghubungkan antara doktor, pentadbir, penyedia perkhidmatan dan pesakit. Akibat prasarana fizikal yang menyukarkan, teknologi komunikasi canggih ketika ini memungkinkan pesakit dapat diselamatkan kecuali memerlukan sentuhan fizikal seperti pembedahan. Saat kecemasan awal boleh dilakukan menerusi telefon dan internet. Antara aplikasi utama teleperubatan – klinikal, pentadbiran, pendidikan, penyelidikan, penilaian pemeriksaan, dianosis dan perundingan. Rawatan boleh dibuat dari jauh dan di mana berada.

Pentadbiran boleh dilakukan dengan telesidang, penjadualan, kepenggunaan, penilaian hasil kerja, dan penyelidikan dimajukan menerusi agregasi data daripada berbilang sumber dan koordinasi.

Maklumat kesihatan dan rekod pesakit boleh diperolehi dengan pantas walaupun berada di tempat berlainan. Kad pelbagai guna – MyKad – membolehkan rekod perubatan disimpan dan dibawa kemana sahaja.

Penjagaan kesihatan pengimbas x-ray, CT scan, MRI, ultrabunyi adalah antara penjagaan kesihatan. Instrumen kesihatan bukan sahaja terdapat di hospital, juga boleh dimiliki sendiri di rumah. HUKM menjadi hospital pertama di Malaysia menggunakan Sistem *Case-mix*. Sistem *Case-mix* adalah suatu sistem pengelasan [penyakit](#) yang menggabungkan jenis penyakit yang dirawat di sesebuah hospital dengan kos rawatan yang terlibat. Sistem ini mengumpulkan episod-episod rawatan yang sama seperti rawatan akut, pembedahan harian dan lain-lain lagi kepada kumpulan klasifikasi yang lebih bermakna dan berfaedah. (ms.wikipedia.org/wiki/HUKM).

Berbekam – salah satu rawatan yang berkaitan dengan darah. Model alat pengukur jumlah darah yang keluar dengan cara berbekam telah dihasilkan sekitar tahun 120 Masihi.

Penemuan terkini dalam tamadun dunia di bidang teknologi perubatan – pembedahan pelastik, tulang tiruan, organ tiruan atau pemindahan organ. Contohnya pada 4 Oktober 2007 Tee Hui Yee remaja yang bermasalah jantung dari Batu Pahat telah menerima jantung yang didermakan oleh seorang penderma dari Perak bagi meneruskan hidup seperti orang yang normal. (Utusan Malaysia 4 Ok.07).

SUMBANGAN TOKOH PERUBATAN ISLAM KEPADA TAMADUN DUNIA

JABAR IBU HAYAN

Selain menjadi ahli perubatan dan doktor, beliau terkenal sebagai ahli kimia – sumbangannya berkaitan dengan pengwapan (*evaporation*) penyaringan (*filtration*) sublimasi (*sublimation*) peleburan (*melting*) dan sebagainya.

HUNAYN BIN ISHAQ

Pakar dalam bidang penyakit mata – ilmu ophthalmology

AL-RAZI

Selain terkenal sebagai ahli perubatan, beliau juga seorang ahli fizik. Sumbangan – kitab tentang ruang, waktu, gerak, ilmu vitamin, ilmu mata, iklim (meteorology), perkembangan (growth) dan pembusukan (putrefaction)

IBNU-KHATIB

Pakar perubatan dan sumbangannya – pencegahan penyakit berjangkit @ tibi, malaria

ISHAK YUDA

Ahli biologi – sumbangannya tentang penyakit malaria, ubat mudah dan penyakit (on simple drugs and ailments), batu karang (on urine)

AL-HAZEN

Seorang ahli perubatan, biologi dan fizik. Sumbangan – pembiasan cahaya melalui udara dan air. Teori ini digunakan dalam ilmu optik - penciptaan lensa mata yang kurang penglihatan

IBNU-SINA

Seorang doktor perubatan dan ahli falsafah. Sumbangan – sebuah buku yang masih digunakan di Eropah berjudul *al-Qanun fi al-Tibb* (*canon of Medicine*)

IBNU-RUSYD

Seorang ahli falsafah dan perintis kepada renaisans di Barat. Sumbangannya – karya perubatan bertajuk *Kuliah fi alTibb*

Tamadun dunia telah membawa perubahan dalam bidang perubatan pada masa ini yang mana berbagai penemuan baru diperolehi. Contohnya tulang palsu, buah pinggang tiruan, pemindahan organ, mesin pengimbas/ x-ray, laser dan lain-lain.

KESIMPULAN

Ahli-ahli sains Islam pada zaman keemasannya dahulu telah mencapai satu tahap yang sungguh mengagumkan dunia dan meninggalkan warisan yang amat berharga kepada tamadun serta generasi kini.

Kelebihan ahli-ahli sains Islam ialah mereka bukan sahaja mahir dalam sesuatu bidang, malah menguasai pelbagai disiplin dan menjadi penyumbang saintis barat. Al-Quran memberikan asas tentang ilman nafia atau ilmu yang bermanfaat dan yanfaunnas atau sesuatu yang memberi manfaat kepada manusia. Sejarah pertumbuhan ilmu dan tamadun Islam telah menyebabkan ia tidak tertutup untuk memanfaatkan faedah berbanding dari tradisi keilmuan orang lain. Ada asas-asas universal yang terdapat pada ilmu yang berkenaan yang tidak bercanggah dengan faktor akidah dan syarak(Dr. Sidek Baba UIA).

Nama : Hasim bin harun

Matrik: P 38977

Pensyarah : Dr Haji Maimun Aqsha Lubis

Tamadun Dunia : Isu-isu Semasa Pendidikan dan Politik.

ELEMEN TIGA – PENDIDIKAN

Sejarah awal pendidikan dalam tamadun manusia dijelaskan dalam firman Allah,

Surah Al-Baqarah ayat 31

وَعَلَّمَ آدَمَ الْأَسْمَاءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلَائِكَةِ فَقَالَ أَنْبِئُونِي بِأَسْمَاءِ هَٰؤُلَاءِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ

Menurut Ismacil Raj'i al Faruqi lagi, membina peradaban Islam mengikut sistem dan garispanduan yang sebenar. Garis panduan yang dimaksudkan adalah pentauhidan kepada Allah adalah asas pembinaan tamadun hidup manusia bermula dengan mendapat didikan dari ilmu yang benar dan mantap.

Syed Muhammad Al-Naquib.Al-Attas pula, melaksanakan satu sistem pendidikan yang mantap dan lengkap. Teras pentauhidan yang kukuh akan mampu membina satu sistem yang paling mantap dan lengkap bagi tujuan dan mencapai matlamat pendidikan manusia.

Sistem yang berteraskan kepada sandaran ilmu yang rapuh pasti akan menemui kesan yang tidak menjamin kekuatan dan ketamadunan manusia. Pandangan daripada Hasan Langgulung, asas tauhid itu adalah mencapai keredaan Allah, menjauhi murka dan siksa-Nya dan melaksanakan pengabdian yang tulus ikhlas kepada-Nya. Pastinya, untuk mencapai kepada kefahaman tauhid yang sebenar adalah melalui ilmu yang benar dan mantap.

Mohd Sulaiman bin Hj Yasin menyatakan bahawa, menzahirkan sifat-sifat akhlak Islam nisbah kepada akhlak aqidah sebagai asas dan teras pendidikan Islam.

Kesimpulan dari perbincangan maksud Tauhid ini secara umumnya dapat difahami sebagai penyelamat manusia, masyarakat, negara dan dunia adalah terserah

kepada agama yang benar. Agama yang benar berdasarkan kepada tauhid yang murni, keadilan yang mutlak, hukum-hukum yang seimbang yang ditetapkan oleh Allah Ta'ala adalah menghubungkan antara manusia dengan Allah yang menjadi pengawal, pengadang, yang senantiasa melihat gerak-geri tiap insan dinyatakan oleh Haron Din.

Lahir pada Zaman Abbasiy- perbahasan mengenai aqidah, ilmu Tauhid

Manakala sistem pula cara,jalan,proses yang dapat diukur, adalah kumpulan benda-benda atau bahagian-bahagian yang bergerak bersama sebagai satu keseluruhan menurut kamus Longman dictionary of contemporary English. Sistem adalah merupakan satu tatacara atau susun atur kerja dalam melaksanakan sesuatu perancangan dan akhirnya akan menghasilkan sesuatu menurut perancangan tersebut. Menurut Tajul Arifin Noordin, sarjana barat mendefinisikan pendidikan pula sebagai satu proses membentuk kecenderungan asas berupa aqliah dan perasaan terhadap alam dan manusia.

Definisi Sarjana Islam, bimbingan rohani dan jasmani berdasarkan hukum-hukum agama islam mengarah kepada terbentuknya keperibadian utama menurut ukuran-ukuran islam.

Jelasnya:Proses yang dilalui oleh anak-anak yang dididik secara sedar oleh pendidik untuk membentuk manusia muslim berdasarkan ajaran Islam

ELEMEN KEEMPAT - POLITIK

” Islam adalah Pemikiran Politik dan Spiritual

Masalahnya kemudian adalah mampukah Islam sebagai pemikiran spiritual dan politik?Persoalan diatas perlu dianalisis berdasarkan bukti-bukti normatif,historik dan empirik.Dengan melihat nas, fakta sejarah kejayaan yang pernah dibatat di dalam lembaran sejarah kegemilangan Islam sejak dari hari pertama tertegaknya Islam di Madinah sebagai suatu kuasa ideologi sehinggalah Khalifah Islam yang terakhir di Turki pada 3 Mac 1924serta sisa-sisa perlaksanaan Islam di negeri kaum muslimin .Tiga bukti inilah yang akan mampu memberikan gambaranyang nyata kepada kita akan kemampuan Islam sebagai ideologi dunia.

Pertama ,secara normatif kita boleh membuktikan kemampuan Islam sebagai ajaran politik dan spiritual dengan melihat elemen yang dimiliki oleh islam , iaitu pemikiran [thought]dan metod[method].Thought Rasul,Kitab Hari kiamat serta Qhada'

dan qadar,[2] pemecahan masalah kehidupan manusia ,yang berupa hukum-hukum syara' yang berkenaan dengan masalah manusia ,baik yang berkenaan dengan masalah manusia dengan tuhan nya ,seperti ibadah , ataupun masalah manusia dengan sesamanya sendiri ,seperti ekonomi ,sosial ,politik ,pendidikan ,hukuman dan sebagainya ,mahupun masalah manusia dengan dirinya sendiri seperti masalah makanan ,pakaian dan akhlaq.

Manakala Islamic method yang merupakan cara bagaimana agar konsep tersebut boleh diterapkan ,dipertahankan dan dikembangkan ,mencakupi;metod menerapkan aqidah dan hukum syara'dengan melaksanakan hukuman [uqubat] kepada orang yang melanggar daripada aqidah dan hukum syara',yang juga ditegakkan oleh negara Khlifah Islam .Contohnya orang murtad dibunuh orang yang melakukan pembangkangan daripada negara akan diperangi ,orang yang meninggalkan shalat akan dikenakan ta'zir orang yang mencuri akan dipotong tangannya ,orang yang berzina direjam sehingga mati,atau disebat seratus kali ,orang yang membuka aurat di tempat awam akan dikenakan ta'zir ,orang yang melakukan rasuah akan dikenakan ta'zir dan sebagainya.Dimana perlaksanaan seluruh hukuman keatas tiap bentuk penyimpangan daripada hukum syara'merupakan jaminan bagi keutuhan syaria't Islam..Metod menyebarkan aqidah dan hukum syara' iaitu dengan dakwah dan jihad yang dilakukan oleh Khalifah Islam .Dimana dakwah Islam kepada orang bukan islam di dalam dengan cara melaksanakan semua hukum Islam.sehingga mereka boleh menyaksikan cahaya Islam dan akhirnya memeluk Islam .

Sedangkan dakwah Islam dan orang bukan islam di luar negeri dilakukan dengan jihad , yang caranya telah ditetapkan oleh islam dengan tiga tahap iaitu;

- 1.Diseru untuk memeluk islam ,apabil bersetuju maka dibiarkan .
- 2.Apabila tidak bersetuju akan diseru dan tunduk kepada pemerintahan islam dengan cara menerapkan semua hukum islam yang berkenaan dengan masalah soisial , ekonomi , politik,pendidikan uqubat [hukuman] dan hukum-hukum yang lain ,kecuali aqidah ,ibadah ,makanan,pakaian dan pernikahan [nikah dan talak]
- 3.Apabila tidak bersetuju akan diperangi secara habis –habisan sehingga tunduk kepada islam.

Inilah secara ringkas gambaran tentang islam dari sudut pemikiran dan metod[though dan method].ini merupakan gambaran normatif yang boleh dilihat dalam kitab-kitab fikih islam.

Kedua secara historik,berbagai-bagai bukti boleh dilihat dalam catatan sejarah ,sebagaimana yang dibukukan oleh ahli sejarah ,samaada dalam sirah atau tarikh .seperti sirah ibnu Ishak ,Maghazi al-waqidi,Tabaqat ibnu Sa'ad ,Sirah ibnu Hisyam ,Tarikh al-umam Wa al-Mulk ,Tarikh ibnu al-Atsir ,Tarikh ibnu Katsir dan sebagainya.Buku-buku sejarah ini dapat memberikan gambaran yang jelas tentang bagaimana Islam diterapkan sepanjang berabad-abad.

Satu catatan yang telah ditinggalkan oleh kegemilangan Islam selama 1300 tahun lebih ,dimana Islam berdiri sebagai ideologi ,antara lain ialah bilangan kes mereka yang dipotong tangan akibat disabit kesalahan mencuridan dikenakan hukuman hudud terhadap mereka adalah berjumlah 200 kes sahaja .Rekod ini dapat dicapai kerana apabila ideologi Islam ditegakkan dalam kalangan masyarakat ,ianya akan membina masyarakat supaya menjadikan aqidah Islam sebagai qiyadah dan fikriyah [pengendali seluruh pemikiran]mereka .Dan ini akan melahirkan perasaan taqwa di dalam diri anggota masyarakat ,yang mana taqwa ini akan mencetuskan suatu sifat untuk mengawal diri kepada setiap individu sehingga mendorong individu-individu tersebut melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Allah S.W.T.,serta meninggalkan apa sahaja yang dilaranganYA.begitu juga masyarakat yang dibina ,akan membawa pemikiran dan perasaan Islam yang mengaktifkan dan menjadikan mereka peka dengan kerja amar ma'ruf dan nahi mungkar bagi mengawal masyarakat ,supaya sentiasa berada diatas jalan Islam yang lurus .Adapun yang paling memainkan peranan dalam konteks ini ialah wujudnya pemikiran dan metod Islam di dalam sebuah negara yang akan melaksanakan seluruh sistem Islam .

Ketiga secara empiri,banyak bukti boleh disaksikan hingga saat ini .As-sheikh Taqiyuddin An-Nabhani memberikan gambaran yang rinci tentang bukti tersebut ,iaitu ada dua bukti yang hingga kini boleh disaksikan lagi.Pertama ,adanya lembaga peradilan[al-qhada'] yang bertugas menyelesaikan sengketa di tengah masyarakat samaada berkenaan dengan kes masyarakat dengan masyarakat ataupun kes masyarakat

dengan negara .Kedua pejabat pemerintahan [al – hakim] yang bertugas melaksanakan semua hukum Islam di tengah masyarakat.

Mengenai masalah peradilan , catatan sejarah dari zaman nabi Muhammad S.A.W,sehingga akhir kekhilafahan Islam di Turki, belum pernah ditemui ada satu masalah pun yang diselesaikan dengan menggunakan hukum yang lain ,kecuali dengan hukum Islam .Bahkan orang-orang bukan Islam pun boleh memahami hukum Islam dengan baik malah ada diantara mereka menulis kitab fikih Islam,seperti Salim Al-Baz.Namun setelah dipisahkan mahkamah kepada dua iaitu mahkamah sivil [awam] dan mahkamah syariah [agama] kerana mengikut cara barat maka ketika itulah ada kes yang diselesaikan bukan dengan hukum Islam .

Bahkan dalam masalah penerapan hukum tersebut hingga kini ,hukum-hukum Islam masih diterapkan di negeri-negeri kaum muslimin meskipun tidak secara keseluruhan .Seperti hukuman potong tangan,rejam dan sebat masih diterapkan di berbagai wilayah negeri seperti Arab Saudi ,Malaysia dan lain-lain .

Sedangkan masalah lain pejabat pemerintahan [al-hakim] yang bertugas melaksanakan semua hukum Islam sebagaimana yang dinyatakan dalam sejarah zaman nabi sehingga kekhilafahan islam adalah sangat jelas .Yang semuanya terdiri daripada lapan struktur;(1)Khalifah,(2)Pembantu di Bidang Pemerintahan ,(Mu'awin Tanfiz),(3) Wali dan Amil,(5)Badan Pentadbiran Awam (Al-Jihaz Al-Idari),(6) Panglima perang dan Tentera,(7) Majlis Ummat,(8) Peradilan .

Inilah fakta dan bukti-buktinyang secara empirik telah menunjukkan keutuhan Islam sebagai ajaran agama yang menyeluruh ,samaada yang berkenaan konsep politik mahupun spiritual.Semuanya diajar di dalam Islam .

DISEDIAKAN OLEH :

MOHD RAIZALHISYAM BIN MOHD RAIS

(P 40623)

ISU – ISU SEMASA TAMADUN DUNIA – NILAI

ELEMEN KELIMA – NILAI (AKHLAK)

PENDAHULUAN

Menurut Mustafa Haji Daud (1999), akhlak merupakan satu daripada tiga bahagian utama wahyu daripada Allah s.w.t disamping akidah dan syarak. Akhlak itu berpusat di hati dan jiwa. Menurut Kamus Dewan (1986), moral merujuk kepada ajaran atau berkenaan buruk baik sesuatu perbuatan (kelakuan, kewajipan dan lain-lain), sikap atau cara berkelakuan yang berasaskan atau yang diukur dari baik buruk sesuatu akhlak. Nilai dan akhlak saling berkaitan antara satu sama lain. Negara yang mempunyai rakyatnya yang mengamalkan nilai-nilai akhlak yang baik sudah pasti akan membawa kepada kesejahteraan dan membina sebuah sebuah bangsa yang maju dan hidup harmoni. Dalam tajuk ini ia akan membincangkan isu semasa Tamadun Dunia dari konsep nilai. Perkembangan diri manusia yang menuju kepada kemajuan dan kemodenan telah mengganggu perkembangan nilai yang lebih baik. Saban hari banyak kejadian yang meragut keselamatan, nyawa masyarakat dunia kerana manusia sekarang tidak mementingkan kesejahteraan yang pernah dibanggakan dahulu.

PENGERTIAN NILAI

JULES HENRY (1975) – nilai ialah sebagai sesuatu yang dikira baik seperti kasih sayang, baik hati , kepuasan hati, keseronokan, kejujuran, kesopanan, ketenangan dan kesederhanaan

SUTAN TAKDIR ALISJAHBANA (1974) – mengemukakan satu teori mengenai nilai, di mana nilai adalah satu unsuryang dapat mencerminkan perlakuan manusia. Nilai pemikiran merupakan unsur terpenting yang menentukan tindakan dan perlakuan manusia. Ini merupakan ciri asas yang membezakan manusia daripada makhluk-makhluk lain

WILLIAM A.SCOOT (1965) – menyamakan nilai dengan moral yang unggul. Beliau mentakrifkan nilai sebagai satu konsep individu tentang perhubungan yang unggul dan digunakan untuk menilai sesuatu kebaikan dan keburukan dan sesuatu kebenaran atau kesalahan tentang perhubungan yang sebenarnya yang dilihat atau dirasai.

Menurut Ghazali Darussalam (2001), terdapat 3 sumber nilai yang menjadi pegangan kepada manusia iaitu :

1. AGAMA

Terdapat 2 jenis agama yang dijadikan sumber nilai. Pertama ialah agama Islam. Di sini sumber nilai diambil daripada *naqal* yang berasaskan daripada wahyu Tuhan (al-Quran) dan hadith Rasulullah s.a.w. Nilai kehidupan yang di ambil daripada 2 sumber bersifat suci. Kedua ialah nilai-nilai yang diambil daripada agama *wadi'e* atau agama budaya yang diamalkan oleh masyarakat selain Islam seperti agama kristian, Hindu, Kahudi, Buddha, Sikh dan lain-lain lagi

2. AKAL

Akal berpunca daripada fikiran manusia yang sihat melalui filsafat. Nilai-nilai yang diterima pakai oleh semua orang menurut rasional logika dianggap sesuatu perlakuan yang diterima. Biasanya bersumberkan daripada akal manusia yang bersifat sejagat dan disepakati oleh pelbagai bangsa, merentasi agama dan budaya

3. PENGALAMAN

Perbuatan yang dilakukan berulang kali yang menjadi sehati dan berdarah daging dalam kehidupan. Biasanya diambil dari adat kebiasaan dan undang –undang masyarakat

FUNGSI NILAI DI DALAM KEHIDUPAN MASYARAKAT

1. Nilai adalah untuk mengawal dan mencorakkan pola tingkah laku
2. Nilai sebagai alat untuk mendapatkan pengertian atau makna hidup yang kompleks
 - a. *Hubungan personal* – nilai sebagai satu panduan dan standard bagi membuat pertimbangan penting di dalam kehidupan peribadi.

- b. *Hubungan antara personal* – nilai member fungsi penting dari segi rapatnya hubungan antara personel dengan seseorang yang lain. Ia juga membantu menentukan keadaan atau corak hubungan seseorang
- c. *Hubungan kemasyarakatan* – pengaruh dalam menentukan hubungan individu dengan masyarakat yang lebih besar, dan segala tingkah laku tidak dilakukan berasaskan emosi atau tanpa menggunakan akal fikiran

3. Nilai berperanan sebagai skrin pengamatan dari segi menentukan corak dan fenomena sosial yang ditunjukkan oleh seseorang

4. Nilai mempunyai pertalian dengan sikap

5. Nilai sebagai proses sosialisasi

6. Nilai juga mempengaruhi sikap, pegangan, prinsip dan falsafah hidup individu

7. Nilai sebagai suatu kriteria membuat keputusan

8. Nilai memberikan haluan kepada perubahan sosial

9. Nilai mencerminkan norma masyarakat

Konsep nilai merupakan satu dimensi kepada moral untuk membezakan nilai moral dengan nilai-nilai lain. Maka boleh dikatakan nilai moral merupakan sejenis nilai yang baik dan terpuji dari segi moral yang diamalkan oleh individu, kumpulan atau masyarakat

Manakala nilai-nilai yang lain iaitu nilai bukan moral seperti ekonomi atau estetika, adalah nilai yang tidak ada kaitan dengan nilai yang baik dari segi moral dan penting dalam hubungan sosial untuk menjamin kestabilan masyarakat dan kehidupan yang baik sesama manusia

ISU – ISU BERKAITAN DENGAN NILAI

Daripada apa yang kita dengar, melihat dan membaca melalui media massa, kita dapati bahawa dunia kita masih mundur dalam aspek kerohanian (akhlak, hasad dengki), sosial (perpaduan), dan estetika (penghayatan keindahan alam). Perkara-perkara yang tidak diingini yang seperti berikut masih menjadi-jadi (Kamarudin Kachar : 1989)

- 1. *Keruntuhan akhlak (kes rogol, khalwat, kezaliman terhadap kanak-kanak dan sebagainya)* – saban hari kalau dilihat perkara-perkara diatas kerap sangat terjadi.

Malahan ia sudah menjadi satu masalah yang paling utama di dalam masyarakat. Kalau dulu wanita dan kanak-kanak dilindungi tetapi perkara ini tidak terjadi lagi sekarang. Di dalam peperangan mereka ini merupakan golongan sasaran pihak musuh yang rakus untuk menunjukkan kekuasaan mereka menyebabkan ramai yang terkorban terutamanya dikalangan kanak-kanak dan wanita. Kes rogol, khalwat semakin menjadi-jadi. Bapa sanggup menodai anak sendiri, terdapat juga manusia yang bertopengkan syaitan menjadikan sasaran kanak-kanak yang belum kenal erti kebahagiaan telah dibunuh dan dirogol dengan rakusnya. Siapa yang perlu dipersalahkan?

2. *Kelemahan disiplin* – Disiplin pelajar dan disiplin perkerja juga dilihat sebagai masalah. Ramai murid-murid yang kurang menitik beratkan pembelajaran dan hanya suka menghabiskan masa di sekitar kawasan yang sunyi dan mempunyai gejala social yang tinggi. Ia telah menjadi trend semasa kepada golongan pelajar dan remaja yang bakal mencorakkan masa depan dunia.
3. *Ancaman dadah* – Dadah merupakan musuh utama Negara. Hampir kesemua Negara menjadikan dadah sebagai musuh utama. Ini kerana kesan apabila telah terjebak dengan dadah cukup tinggi. Ini amat membimbangkan masyarakat kerana golongan ini bukan hanya melebarkan sayap secara berkumpulan malahan menjadikan sasaran pelajar sebagai pengedar dadah bagi mengaburi pihak berkuasa tanpa mengira jantina dan latar belakang pelajar tersebut.
4. *Pembaziran* – masyarakat sentiasa dimomok-momokan dengan kemewahan dunia dan keglamoran. Ini telah mewujudkan masyarakat yang membazirkan wang ringgit, masa dan tenaga yang hanya untuk memuaskan hati masing-masing.
5. *Rasuah* – Gejala rasuah sering melanda kepada golongan yang tamak dan tidak sabar mengecapi kesenangan. Pelbagai cara digunakan bagi melunaskan kepentingan diri sendiri sahaja. Ada kala rasuah mendorong kepada wujudnya kepincangan sesama manusia kerana kemewahan yang diperolehi oleh orang lain disalahertikan.
6. *Salah guna kuasa*

7. Engkar janji
8. Merosakkan harta orang lain
9. Membuang sampah merata-rata
10. Ancaman Nuklear
11. Perebutan kuasa

Semua pihak perlu bertanggung jawab dengan kejadian-kejadian yang berlaku dengan cara menanamkan beberapa sikap positif seperti kasih sayang, semangat bantu-membantu, semangat bertanggungjawab dan semangat mahu maju Negara yang maju membantu negara yang masih mundur. Tidak ada tindas menindas untuk menunjukkan kekuatan, sentiasa mengadakan perbincangan dalam kesatuan-kesatuan yang ada serta hilangkan kepentingan diri sendiri. Nilai-nilai dalam Islam perlu jelas untuk menghapuskan gejala-gejala yang tidak diingini dan merosakkan jiwa. Islam memang bencikan keruntuhan akhlak dan inginkan perubahan serta kemajuan

Kesimpulan

Nilai-nilai agama Islam merupakan satu cara bagaimana untuk mengukuhkan keharmonian sejagat. Ajaran agama Islam yang merupakan satu agama yang mencerminkan nilai-nilai yang tinggi. Nilai-nilai dalam Islam perlu jelas untuk menghapuskan gejala-gejala yang tidak diingini dan merosakkan jiwa. Islam memang bencikan keruntuhan akhlak dan inginkan perubahan serta kemajuan

ELEMEN KEENAM - ISLAM

PENDAHULUAN

Islam adalah sebagai satu agama bagi kehidupan di dunia dan akhirat bermakna Islam menyeru kita memerseimbangkan semua kerja amalan kita antara dunia dan akhirat. Islam melarang kita kita berlaku berat sebelah seperti menumpukan segala usaha untuk akhirat tetapi tidak berbuat apa-apa bagi kemajuan hidup di dunia. Islam juga menegah kita hanya menitikberatkan amalan bagi kehidupan dunia tetapi mengabaikan persiapan bekalan di akhirat nanti.

ISLAM DAN BARAT

Setelah peristiwa 11 September 2001 (Pengeboman WTC), Islam dan umatnya dipaksa menghadapi fitnah dari pihak Zionis, Israel dan Amerika.

Semua itu kerana Zionisme Internasional yang memainkan peranan dalam menyebarkan pemusuhan terhadap Islam , bahkan mereka mendorong dunia seluruhnya untuk memasuki Islam dan kaum muslimin (Dr Lathifah Ibrahim Khadhar : 2005)

Permusuhan itu semakin jelas ketika Barat mendapatkan alat untuk melemahkan umat islam iaitu dengan negara Zionis Israel. Negara tersebut laksana duri yang ditusukkan ke jantung dunia arab-Islam di depan penglihatan seluruh nilai. Zionis terus berusaha melenyapkan bangsa-bangsa Palestin serta tempa-tempat sucinya dan menghancurkan kemampuannya.

Para orientalis memainkan peranan besar dalam menyebarkan semangat pemusuhan terhadap Islam sejak awal. Meskipun kebanyakan dari mereka bukanlah sejarawan atau sosiologi, mereka mampu membentuk metod dan konsep yang lengkap dalam menggambarkan tentang Islam dan kaum muslim.

هُوَ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ
لِيُظَاهِرَهُ عَلَىٰ الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ

Dialah yang Telah mengutus RasulNya (dengan membawa) petunjuk (Al-Quran) dan agama yang benar untuk dimenangkanNya atas segala agama, walaupun orang-orang musyrikin tidak menyukai
At-Taubah : 33

Musuh-musuh Islam baik dulu mahupun sekarang menyadari hakikat mutlak ini (berdasarkan ayat) bahawa Allah s.w.t. pasti akan memenangkan umat Islam atas semua agama. Kerana itulah mereka takut kepada Islam. Sementara itu bukti-bukti yang ada di depan kita menunjukkan makin tersebarNya Islam dan bertambahnya kaum muslimin di Eropah.

Setelah itu seluruh negara Islam menjadi sasaran, sampai negara yang sedang berjuang mendapatkan kemerdekaan dan merebut tanahnya kembali contohnya Palestin. Sasaran barat bukan sahaja pada dunia arab malahan dunia luar juga. Alasannya yang diberikan banyaknya dibuat-buat. Barat mampu memaksakan kekuasaannya atas dunia Islam dan merampas kekayaannya.

ISUNYA.....

Kebencian barat pada Islam sudah lama. Kebencian ini sudah mula muncul sejak permulaan lahirnya dakwah. Oleh kerana itu musuh-musuh Islam senantiasa berusaha membasmi, menghancurkan atau melemahkan kaum muslimin.


Musuh-musuh Islam tidak pernah berhenti berusaha menundukkan kaum muslim dengan cara melemahkan kekuatan mereka, lalu menekan bahkan memerangi mereka. Bahkan Barat berusaha rasa kebencian kepada Islam, khususnya di kalangan rakyat kelas menengah. Usaha ini dilakukan agar mereka tidak berfikir untuk mencari dan berusaha mengetahui pemahaman yang benar tentang Islam

Mereka sentiasa melekatkan tuduhan-tuduhan negatif terhadap Islam. Mereka menyatakan Islam adalah agama yang beridentitikan dengan keganasan atau *terroris*. Padahal Islam sendirinya bersih dari fitnah itu semua, mereka bukan sahaja membesar-besarkan masalah malah merekayasa persoalan-persoalan besar yang menyelitkan permusuhan terhadap Islam. Maka muncullah seruan untuk memerangi Islam dan menghancurkan sumber-sumber daya mereka

Rancangan Amerika Syarikat (AS) untuk menghantar tenteranya ke Selat Melaka bagi memerangi pengganas merupakan satu helah negara tersebut untuk mencampuri hal ehwal politik di negara-negara Asia Tenggara. Peristiwa campur tangan AS terhadap negara-negara Asia Barat dan Afghanistan perlu dijadikan satu pengajaran kepada masyarakat di Asia Tenggara.

Pemusnahan Iraq dan Afghanistan merupakan satu kejayaan besar bagi negara tersebut mengaburi mata dunia mengenai keangkuhan mereka sebagai satu kuasa besar di dunia masa kini. Sikap tegas kerajaan Malaysia menolak cadangan AS menghantar askar-askarnya ke Selat Melaka perlu disadari oleh AS bahawa tipu helah mereka terhadap Dunia Ketiga dapat difahami oleh Malaysia.

Maka benarlah firman Allah s.w.t. tentang mereka seperti dalam surah al-Imran ayat 118



118. Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu ambil menjadi teman kepercayaanmu orang-orang yang, di luar kalanganmu (karena) mereka tidak henti-hentinya (menimbulkan) kemudharatan bagimu. mereka menyukai apa yang menyusahkan kamu. Telah nyata kebencian dari mulut mereka, dan apa yang disembunyikan oleh hati mereka adalah lebih besar lagi. sungguh Telah kami terangkan kepadamu ayat-ayat (Kami), jika kamu memahaminya.

KESIMPULAN

Barat sentiasa mewujudkan sentimen yang kurang memuaskan terhadap agama Islam. Sejak dulu lagi orang barat amat tidak menyenangi perkembangan Islam yang semakin maju. Mereka iaitu barat tidak senang hati dengan perkembangan mendadak ini. Barat ingin menguasai dunia tanpa kehadiran Islam. Hakikatnya Islam merupakan satu agama yang tinggi dan syumul. Sesungguhnya Islam itu tinggi, dan tidak ada yang tinggi daripadanya.

BIBLIOGRAFI

- Kamarudin Hj. Kachar, 1989 , *Strategi Penerapan Nilai-nilai Islam di Institusi Pendidikan (Dari Perspektif Pengurusan)* ,Kuala Lumpur: Teks Publishing Sdn. Bhd ,
- Ghazali Darussalam , 2000, *Kursus tamadun Islam dan Pendidikan Moral Nilai-nilai moral dalam Pelbagai Aspek, Aspirasi Moral dan Bandar-bandar Dunia* ,Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distrubutors Sdn Bhd.,
- _____ , 2001, *Tamadun Islam dan Tamadun Asia* ,Kuala Lumpur,: Utusan Publications & Distrubutors Sdn Bhd.
- Mustafa Haji Daud (1999), *Tamadun Islam Edisi Maktab Perguruan* , Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distrubutors Sdn Bhd.,
- Lathifah IbrahimKhadhar (Dr.), 2005, *Ketika Barat Memfitnah Islam*, Jakarta: Gema Insani,
- Kamus Dewan* , 1986, Dewan Bahasa dan Pustaka : Kuala Lumpur